

# **URUSAN BANTUAN KEWANGAN PELAJAR UNIMAS**

**Merangkumi Permohonan Untuk Bantuan Yuran Pengajian, Yuran Kolej Dan Sara Diri**

- ❖ Permohonan Bantuan Kewangan hanya akan dibuka bermula **MINGGU PERTAMA HINGGA MINGGU KEENAM PERKULIAHAN SAHAJA**
- ❖ **28 JANUARI 2019 (BUKA) HINGGA 8 MAC 2019 (TUTUP)**
- ❖ Pelajar Belum **AKTIF** pada semester semasa **TIDAK LAYAK** memohon (Rujuk BPPs bagi pelajar yang belum menjelaskan yuran)
- ❖ Permohonan Bantuan Kewangan hanya boleh dibuat untuk **semester semasa SAHAJA**
- ❖ Pelajar yang aktif bayaran pinjaman (Cth: PTPTN), biasiswa, tajaan **TIDAK LAYAK** memohon
- ❖ Pelajar yang tidak menghadiri **TEMUDUGA** pada masa yang ditetapkan (rujuk notis panggilan temuduga di fakulti / Pejabat Unit Kaunseling dan Kebajikan Pelajar) akan **DIBATALKAN permohonan**

➤ **Tabung Kebajikan disedia dan diagihkan untuk kes-kes berikut:-**

**Kematian Pelajar**

- Perbelanjaan mengurus jenazah bagi kematian pelajar yang berada di UNIMAS semasa kematian
- Khairat kematian sebanyak RM500.00
- Salinan Sijil Kematian disertakan sebagai sokongan

**Kematian ibu bapa kandung pelajar**

- Tiket penerbangan kelas ekonomi pergi dan balik (bagi pelajar Sabah, Semenanjung dan luar Kuching) sebanyak 2 kali sepanjang pengajian
- Khairat kematian sebanyak RM500.00
- Salinan Sijil Kematian disertakan sebagai sokongan

**Kematian suami atau isteri**

- Tiket penerbangan kelas ekonomi pergi dan balik (bagi pelajar Sabah, Semenanjung dan luar Kuching) sebanyak 1 kali sepanjang pengajian
- Khairat kematian sebanyak RM500.00
- Salinan Sijil Kematian disertakan sebagai sokongan

**Kematian anak**

- Tiket penerbangan kelas ekonomi pergi dan balik (bagi pelajar Sabah, Semenanjung dan luar Kuching) sebanyak 2 kali sepanjang pengajian
- Khairat kematian sebanyak RM500.00

**Musibah seperti banjir, tanah runtuh, kebakaran dan sebagainya**

- Bantuan sebanyak RM500.00 diberikan
- Salinan Laporan Polis / Bomba sebagai sokongan

**Bantuan Kewangan kepada Pelajar**

- Bayaran yuran pengajian, yuran kolej dan sara hidup
- Kelayakan mendapatkan bantuan akan dinilai oleh Jawatankuasa Kebajikan Pelajar
- Bantuan hanya diberi sekali sepanjang pengajian

**Perkara-perkara lain yang dianggap memerlukan bantuan atas budi bicara Jawatankuasa Kebajikan Pelajar**

- kemalangan pelajar
- kecacatan pelajar
- ibu bapa atau penjaga sakit tenat

## **TERMA JAWATANKUASA**

1. Membantu pihak Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (PHEPA) dalam mengenalpasti pelajar yang mempunyai masalah kewangan
2. Membantu pihak Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (PHEPA) dalam menangani masalah pelajar yang tidak dapat membayar yuran pengajian, yuran kolej dan sara diri bagi meneruskan pengajian
3. Membantu pihak Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (PHEPA) menyediakan keperluan data atau maklumat berkaitan latar belakang kewangan pelajar di fakulti masing-masing bagi memudahkan proses kelulusan bantuan kewangan
4. Membantu pihak Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (PHEPA) untuk menyediakan garis panduan yang jelas bagi membantu pemilihan pelajar yang layak menerima bantuan kewangan atau zakat melalui Jawatankuasa Kebajikan Pelajar yang telah ditubuhkan